



KENYATAAN MEDIA

KPWKM TAMBAH BAIK BANTUAN KEBAJIKAN MENEPATI KADAR PENDAPATAN GARIS KEMISKINAN (PGK) BAHARU

26 JULAI 2020

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menyambut baik penetapan kadar baharu Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Nasional sebanyak RM2,208 sebulan bagi setiap isi rumah berdasarkan metodologi 2019 berbanding kadar RM980 sebulan mengikut metodologi 2005, sebagaimana yang diumumkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada 10 Julai 2020.

KPWKM berpandangan penetapan kadar PGK baharu ini adalah bertepatan dengan realiti sebenar kehidupan rakyat Malaysia. Pada masa yang sama, keadaan penularan pandemik COVID-19 telah membawa implikasi besar terhadap taraf sosioekonomi sebahagian rakyat. Sungguhpun kadar baharu ini dijangka akan meningkatkan jumlah rakyat yang tergolong dalam kemiskinan, namun tindakan ini menzahirkan keprihatinan dan ketelusan kerajaan hari ini untuk menangani permasalahan rakyat dengan mengenal pasti situasi sebenar taraf hidup rakyat.

Kadar baharu yang bertepatan dengan realiti semasa akan membolehkan strategi dan pendekatan yang lebih tepat dirangka dalam pelaksanaan dasar dan program kerajaan khususnya berkaitan pembasmian kemiskinan dan peningkatan taraf sosioekonomi. Ini termasuklah agenda dan inisiatif berkaitan perkhidmatan kebajikan.

KPWKM bersama semua jabatan dan agensi di bawahnya sedang meneliti secara terperinci dasar dan program sedia ada yang mempunyai hubung kait dengan kadar PGK dan bersedia untuk membuat penambahbaikan seajar dengan peningkatan PGK Nasional ini. Cadangan dan keperluan penambahbaikan akan diangkat dan dibincangkan segera dengan kementerian dan agensi yang berkaitan.

Buat masa ini, berdasarkan PGK RM980 sebulan, KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah memperuntukkan RM1.53 bilion setahun untuk penyaluran bantuan kepada lebih 500 ribu penerima manfaat daripada pelbagai kumpulan sasar.

Bantuan yang terlibat adalah Bantuan Kanak-kanak (BKK), Elaun Pekerja Cacat (EPC), Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB), Bantuan Orang Tua (BOT), Bantuan Am Persekutuan (BA), Bantuan Anak Pelihara (BAP), Bantuan Latihan Perantis (BLP), Bantuan Geran Pelancaran (GP), Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/Pesakit Kronik Terlantar (BPT), Bantuan Alat Tiruan/Alat Sokongan (BAT) dan Tabung Bantuan Segera (TBS).

###

**YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
PUTRAJAYA**